

# CETAMAX 500 TABLET

Paracetamol (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cetamax 500 Tablet
2. Bagaimana Cetamax 500 Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Cetamax 500 Tablet
4. Cara mengambil Cetamax 500 Tablet
5. Semasa mengambil Cetamax 500 Tablet
6. Kesan-sesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Cetamax 500 Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cetamax 500 Tablet

Cetamax 500 Tablet digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan ringan dan sederhana termasuk sakit kepala, sakit sinus dan sakit badan yang berkaitan dengan selesma dan flu.

## Bagaimana Cetamax 500 Tablet berfungsi

Cetamax 500 Tablet yang mengandungi Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan mengurangkan demam.

## Sebelum mengambil Cetamax 500 Tablet

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda mempunyai alahan terhadap Paracetamol atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

Jangan ambil produk ini jika anda mengalami masalah hati yang teruk dan aktif.

### - Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada orang mempunyai masalah hati dan buah pinggang, masalah dengan ketagihan alkohol atau mereka yang sedang mengambil ubat yang mempengaruhi hati. Paracetamol boleh diambil semasa mengandung dan menyusui.

### - Jika mengambil ubat- ubatan lain

Cetamax 500 Tablet boleh mengganggu Warfarin dan coumarin lain (ubat mencairkan darah). Sentiasa periksa dengan doktor anda jika anda mengambil ubat ini.

## Cara mengambil Cetamax 500 Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun: Ambil 1 hingga 2 tablet setiap 4 hingga 6 jam atau apabila perlu.

Jangan melebihi 8 tablet dalam sehari.

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:

Ambil ½ hingga 1 tablet setiap 4 hingga 6 jam atau apabila perlu.

Jangan melebihi 4 tablet dalam sehari.

### - Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

### - Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Cetamax 500 Tablet, ambilkannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala termasuk muntah, sakit perut, tekanan darah rendah, berpeluh dan keracunan hati (kekuningan mata dan kulit, tahap glukosa yang rendah dan paras asid tinggi dalam badan). Sekiranya pengambilan berlebihan, rawatan khusus dengan segera adalah penting.

Hubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

## Semasa mengambil Cetamax 500 Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Cetamax 500 Tablet.

Jangan melebihi dos yang disyorkan. Sekiranya kesakitan berterusan lebih daripada 10 hari, sila berjumpa doktor.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Sediaan ini mengandungi Paracetamol.

Jangan mengambil sediaan lain yang juga mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

## Kesan Sampingan

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakan dan dapatkan rawatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubah Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Cetamax 500 Tablet

### - Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya dan kelembapan.
- Tutupkan botol dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

### - Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Cetamax 500 Tablet ialah tablet dwicembung berwarna biru dan berbentuk berlian yang tidak bersalut dengan skor di kedua-dua belah.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif  
Setiap tablet mengandungi Paracetamol 500mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Gelatin, Magnesium Stearate, Corn Starch, Certolake Brilliant Blue, Sodium Starch Glycolate, Aerosil 200

### - Nombor MAL:

MAL08051670XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

5/9/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)220618/00179